

25/02/2000

Wakil rakyat tidak 'turun padang'

Kapt (B) Abdul Rahmat Omar bin Tun Mohd Haniff

JIKA dilihat perjuangan veteran Umno, perbezaannya begitu ketara berbanding perjuangan hari ini. Jika dulu, mereka meredah hutan dan duduk bersila menjamu selera bersama batin di kampung-kampung Orang Asli, kini corak perjuangannya tidak lagi menunjukkan ciri-ciri seorang wakil rakyat.

Kalau dulu wakil rakyat selalu turun padang, kini mereka menghilangkan diri selama lima tahun. Ada juga wakil rakyat yang sukar ditemui. Pengundi hanya dapat bertemu dengan orang kanannya.

Maka adalah wajar semua ahli Umno menurut saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi agar semua wakil rakyat, ketua-ketua bahagian dan cawangan sering turun padang.

Satu lagi yang perlu diubah ialah soal sikap. Ada wakil rakyat yang mungkin hanyut dengan gelaran 'Yang Berhormat' yang diberikan hinggan mereka lupa bahawa mereka sebenarnya dipilih oleh rakyat untuk mewakili mereka.

Ada wakil rakyat tidak sanggup mengharungi kepahitan yang dialami pengundi. Bila banjir, mereka menghulur bantuan dari rumah ke rumah dengan menaiki sampan sedangkan sampan ditolak oleh seseorang dan si mangsa berdiri dalam air sedalam lutut untuk menerima bantuan.

Ada juga yang menghulurkan bantuan kepada orang istimewa dengan berdiri di atas pentas menunggu orang istimewa yang berjalan dengan bantuan tongkat tiba untuk menerima bantuan.

Adakah gelaran 'Yang Berhormat' itu tercemar jika wakil rakyat meredah banjir atau turun dari pentas untuk menghulurkan bantuan?

Kita sepatutnya mengambil iktibar terdekat, iaitu Raja Bhumipol Adulyadej dari Thailand. Institusi Raja yang hampir menjadi tidak relevan pada tahun 1946 berjaya jadikan sebagai institusi yang paling dihormati dan disanjung rakyat kerana berusaha sendiri dari kampung ke kampung menentukan rakyat tidak ditimpa kesusahan.

Mungkin wakil rakyat patut hanya diberi gelaran 'Yang Berhormat' selepas berjaya memenangi hati pengundi pada kali keduanya dan cukup hanya dengan gelaran 'Yang Berusaha' pada penggal pertama. Dari situ, mereka perlu berusaha untuk dihormati rakyat.

Saya tidak berniat untuk menuding jari kepada sesiapa pun tetapi hanya sekadar memperingati diri saya dan juga ahli Umno mengenai perjuangan yang sepatutnya.

Oleh itu, saya menyeru kepada semua ahli Umno supaya berusaha lebih giat membantu rakyat di kawasan masing-masing. Hanya itulah caranya untuk menjadikan Umno terus relevan kepada masyarakat khususnya orang Melayu.